

Faiz raih pengiktirafan sulung

Utusan Malaysia - 2/3/16 (m/s 35).

Oleh ZAZALI JAMIAN

sukan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - Kejayaan Mohd. Faiz Subri meledak gol cantik yang mencuri tumpuan dunia pada 16 Februari lalu, membolehkan pemain tengah Pulau Pinang itu dinobatkan sebagai Pemain Terbaik bagi bulan Februari.

Pemilihan Faiz, 28, diumumkan Persatuan Pemain Bola Sepak Profesional Malaysia (PFAM) semalam selepas menerima keputusan undian dibuka kepada orang ramai menerusi laman web rasmi mereka sejak awal bulan ini.

Bintang tengah Pulau Pinang itu menewaskan empat calon lain iaitu Zah Rahan Krangar dari Felda United, Norazlan Razali dari Selangor serta dua pemain Johor Darul Ta'zim (JDT), Faisal Marlias dan Hariss Harun.

Apa yang menggembirakan Faiz, ini adalah anugerah pertama yang diraih sepanjang enam tahun bergelar pemain bola sepak profesional.

Pemain kelahiran Air Hitam, Kedah itu, yang turut berpeluang mendapat pengiktirafan di peringkat Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) atas jaringan 'luar biasa' yang diledaknya bulan lalu menegaskan, anugerah Pemain Terbaik



PROFESSIONAL FOOTBALLERS
ASSOCIATION OF MALAYSIA

memberi seribu makna buat dirinya.

"Ia membuatkan saya rasa lebih dihargai dalam masa sama bersemangat untuk mengekalkan gelaran tersebut pada Mac.

"Saya berterima kasih kepada semua yang memberikan sokongan kepada saya selama ini dan saya juga tidak menjangka meraih anugerah ini.

"Bagi saya anugerah ini mempuatkan saya mahu bekerja lebih teras bagi membantu Pulau Pinang meraih kedudukan yang terbaik dalam aksi Liga Super 2016," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Pemenang anugerah tersebut akan menerima imbuhan sebanyak RM1,500 sumbangan rakan penaja utama PFAM iaitu, MVP Sports Agency, yang merupakan agensi pencari bakat, selain trofi serta bingkai gambar pemain berkenaan daripada All Sports Images And News Agency (*Asiana.my*).



MOHD. FAIZ SUBRI dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Liga Malaysia bagi bulan Februari.